

21 FEB 1999

Taib-ekonomi

PELAN PEMULIHAN EKONOMI BERKESAN, KATA TAIB

SIBU, 21 Feb (Bernama)-- Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata pelan yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi telah berjaya dengan berkesan mencegah ia menjadi lebih buruk.

Katanya negara mungkin telahpun terjunam ke dalam kemelesetan sekiranya kerajaan mengikut telunjuk Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) yang disokong oleh Menteri Kewangan sewaktu itu.

Bercakap pada majlis sambut Tahun Baru Cina anjuran Persatuan China Sibu di Dewan Sivik di sini malam tadi Taib berkata ini adalah hasil daripada kebijaksanaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya walaupun Dr Mahathir telah dengan secara khusus meminta Menteri Kewangan waktu itu supaya tidak meletakkan negara di bawah penyelian IMF, dasar-dasar yang diterima pakai selepas itu membawa padah.

Taib berkata di sesetengah negara yang mengikut dasar-dasar IMF semua masalah boleh dihadapi dengan sokongannya dan kemudahan kredit yang disediakan, tetapi di Indonesia bantuan itu tidak diberikan walaupun selepas banyak kali berjanji.

Beliau berkata Malaysia telah dikritik dengan hebat terutamanya terhadap cara Perdana Menteri kita menghentikan dasar-dasar yang salah yang dibuat oleh Kementerian Kewangan.

"Tetapi hari ini, saya fikir tidak syak lagi bahawa dunia mengiktiraf bahawa beliau telah menganmbil tindak yang wajar," katanya.

Lagi pula, katanya, Malaysia bebas daripada kemelut politik seperti yang dialami di beberapa negara di rantau ini.

Katanya tindakan yang diambil itu, seperti mengurangkan kadar faedah dan menyuntik lebih banyak wang ke dalam sistem disetujui oleh negara-negara maju.

Walaupun mereka kurang menggemari kawalan modal yang diperkenalkan, ia adalah penting untuk melindungi kestabilan matawang kita dan pasaran saham kita, katanya.

Sekarang pasaran saham telah mulai pulih pada sebahagiannya yang melonjakkan paras mata yang serendah 260 mata kepada sehingga 600 mata dan sekarang berlegar pada 500 mata.

--BERNAMA.

ESS WAT